

Istikharahlah, kerana musuh perkara terbaik ialah perkara yang baik

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

1088

2012 | PP 15048/05/2012 (029644) |

• MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No. 42

PASRAH DENGAN ISTIKHARAH

Bagaimana seharusnya sikap kita apabila berdepan dengan dua perkara yang hukumnya sama-sama harus, sama-sama baik, dan sama-sama bermanfaat, tetapi kita hanya boleh memilih hanya satu?



Apa Legasi Kita? 96

Gambar Kita, Tanggungjawab Kita 52

Barah Rasuah 12

Kahwin Koboi 76

Solat Bersama Jin 92


AB
AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)

ISSN 1985-5400 > 42

9 771985 540003

RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

TELAGA BIRU SDN. BHD.



Teknologi, sama ada dalam bentuk alatan ataupun kaedah, direka oleh manusia bertujuan memudahkan urusan kehidupan. Kegunaannya boleh dilihat dengan jelas dalam pelbagai aspek kehidupan manusia.

Antara urusan yang boleh dimanfaatkan dengan teknologi adalah yang berkaitan dengan urusan khusus tentang Islam, sama ada dari segi amalan ibadah, mahupun yang berkaitan dengan aspek keilmuan. Teknologi terhasil daripada ilmu dan kemahiran pemikiran manusia yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. Jadi, ia merupakan satu nikmat daripada Allah yang harus dimanfaatkan sebaik-baiknya dan tidak wajar disalahgunakan.

Dimanfaatkan Pelbagai Bidang

Tidak kira dalam apa-apa bidang sekali pun, sama ada kejuruteraan, perubatan, pertanian dan bermacam-macam lagi, teknologi yang dibangunkan boleh dicipta dengan reka bentuk atau konsep matlamat yang boleh memberi sumbangan kepada

Teknologi Pun Berkhidmat untuk Islam

kemajuan amalan dan ilmu Islam yang khusus.

Ini berjalan serentak dengan penggunaan teknologi yang menyumbang kepada kemajuan aspek-aspek kehidupan yang lain, yang juga boleh dikira sebagai ibadah umum jika disertakan dengan niat dan matlamat yang ikhlas dan benar.

Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sememangnya berperanan besar dalam kehidupan manusia masa kini. Lantas, pelbagai kegunaan ICT boleh difikirkan dan dimanfaatkan untuk menangani urusan umat yang berkaitan dengan Islam.

Seperti yang disebutkan oleh Prof. Mohammed Zeki Khedher dari Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi, Universiti

Jordan ketika bertandang sebagai sarjana tamu di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, kita perlu menggunakan ICT untuk memberi khidmat kepada Islam.

Pelbagai contoh boleh dilihat berkenaan perkara ini. Antara yang paling lumrah ialah pelbagai laman di alam maya Internet yang memaparkan kandungan Islam, di samping menjadi medan perhubungan dan interaksi (namun harus juga berwaspada dengan apa yang dibaca, dikongsi dan dibincangkan agar selamat daripada perkara-perkara yang tidak tepat atau mungkin juga tidak benar sama sekali).

Di samping itu, aplikasi Internet dan telefon pintar yang boleh membantu mencari arah kiblat, mengingatkan waktu solat, zikir dan doa harian serta pelbagai lagi

perkara yang sering digunakan oleh umat Islam kini.

Berikut merupakan sebahagian contoh bagaimana teknologi berkhidmat untuk Islam:

i. Laman Web Islamik

Seiring dengan kemajuan teknologi yang semakin pesat, penggunaan teknologi untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan khusus Islam harus mengambil manfaat daripada perkembangan ini. Telah wujud beberapa enjin carian (*search engine*) islamik seperti www.theislamicsearch.com untuk mencari maklumat di Internet yang memberikan hasil carian yang dianggap selari dengan Islam. Contohnya carian perkataan "*finance*" akan menghasilkan senarai laman *web* berkaitan kewangan Islam. Enjin carian ini menggunakan teknologi yang dibangunkan oleh Google.com.

Walaupun sudah ada, usaha ke arah pembaikan sentiasa boleh diteruskan berkenaan carian maklumat Islam yang ada di Internet. Contohnya, terdapat cadangan membangunkan kaedah untuk menetapkan ciri-ciri laman *web* yang boleh dianggap sebagai laman *web* Islam, serta memungkinkan agar laman *web* Islam mempunyai tanda kelulusan tertentu sepertimana tanda "*trusted site*" atau "*certified site*" yang dipaparkan di laman-laman *web* e-dagang atau perbankan Internet.

ii. Al-Quran Digital

Ayat-ayat al-Quran kini wujud dalam versi digital. Sepertimana fail atau maklumat lain dalam bentuk digital yang dilindungi agar kesahihan maklumat tersebut terpelihara, maka begitu jugalah al-Quran digital. Ia perlu dipelihara daripada sebarang perubahan atau ancaman, terutamanya apabila ia dihantar atau dipindahkan secara elektronik melalui rangkaian komputer, agar orang yang menerima fail yang mengandungi al-Quran digital yakin tentang keselamatan fail tersebut serta kesahihan kandungannya.

Pendekatan-pendekatan berkaitan keselamatan komputer, rangkaian dan maklumat digital boleh diguna pakai untuk tujuan tersebut.



Lulusan B.IRKH, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Sarjana dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Telah menyiapkan tesis PhD untuk Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Universiti Malaya berkaitan dengan nilai-nilai Islam dan ICT. Kini berkhidmat di Kulliyah ICT, UIAM. E-mel: aznanzs@gmail.com

AZNAN ZUHID SAIDIN

iii. Sistem Pangkalan Hadis

Berkaitan sumber kedua Islam pula, kesahihan serta taraf hadis-hadis yang dijumpai dalam pembacaan ataupun yang didengar daripada percakapan boleh dipastikan dengan lebih mudah jika dibangunkan satu sistem maklumat yang dapat membantu dalam hal ini.

Kitab-kitab utama hadis dijadikan rujukan untuk membangunkan pangkalan data hadis-hadis yang benar dan palsu. Lantas, para pengguna dapat mencari taraf sesuatu hadis melalui sistem tersebut.

iv. Aplikasi Multimedia

Memandangkan haji dan umrah adalah aktiviti ibadah yang berkait dengan lokasi dan tempat tertentu, maka aplikasi multimedia boleh digunakan untuk memberikan gambaran tentang rupa bentuk umum lokasi-lokasi tersebut serta cara-cara aktiviti ibadah yang perlu dilakukan di situ melalui paparan di skrin.

Ini boleh ditambahkan lagi dengan paparan rakaman video (dengan izin pihak berkuasa berkenaan) yang menunjukkan keadaan sebenar berlangsungnya ibadah tersebut. Maklumat sebegini berguna bagi mereka yang sedang membuat persediaan untuk menjadi tetamu Allah.

Sinergi, Ilmuwan dan Ahli Teknologi

Perkara yang disebutkan ini merupakan antara perkara yang boleh diusahakan oleh para penyelidik dan pakar dalam bidang ICT. Malah, berdasarkan maklumat yang diketahui, sesetengahnya telah ataupun sedang dibangunkan. Tidak kira sama ada kita terlibat secara langsung atau tidak dalam pembangunan teknologi, pelbagai kaedah boleh difikirkan untuk menggunakan teknologi agar ia dapat memberi khidmat kepada kemajuan Islam dan umatnya.

Kerjasama antara ilmuwan Islam dan ahli teknologi Muslim harus disepadukan untuk membuka lebih banyak lagi jalan yang boleh memanfaatkan teknologi untuk kepentingan Islam. Begitu juga sebagai pengguna teknologi, idea dan buah fikiran juga boleh datang daripada para pengguna untuk menangani perkara-perkara yang sering kita hadapi dalam kehidupan seharian demi menjaga kepentingan Islam dan memajukan umatnya.

Inilah antara amal soleh yang boleh kita sumbangkan sebagai bekalan di kemudian hari. Pendek kata, pada zaman ini, teknologi dan Islam tidak dapat dipisahkan.

Tidak Pernah Jemu

Sedar tak sedar, rupanya dah beribu-ribu kali kita solat. Beribu-ribu kali juga kita *renew* (perbaharui) syahadah kita. Malah berbulan-bulan atau mungkin sudah bertahun-tahun kita berpuasa (jumlah puasa wajib atau sunat sepanjang hidup). Ada sesetengahnya yang sudah berkali-kali mengerjakan umrah atau naik haji.

Seandainya kita fokus kepada solat, setiap hari paling tidak kita akan rukuk 17 kali, 34 kali sujud, lima kali mengangkat takbiratulihram dan memberi salam. Bukan itu sahaja, malah kita mengulangi bacaan al-Fatihah sebanyak 17 kali, bertakbir hampir **100 kali**, malah banyak lagi

bacaan lain yang dibaca berulang kali dan tidak pernah berubah.

Pernahkah kita jemu dengan semua itu? Pernahkah jemu membaca surah dah ayat al-Quran yang sama? Pernahkah jemu bertawaf dan menunaikan pelbagai rukun haji dan umrah yang lain? Tidak pernahkan?

Hakikatnya ibadah itu makanan roh yang amat diperlukan dari semasa ke semasa. Makin dikerjakan ibadah wajib, makin terasa lazatnya, malah mungkin makin "ketagih".

Ibadah tidak pernah menjemukan. Yang jemu hanyalah hati yang kian jauh daripada rahmat Allah s.w.t. Yang jemu hanyalah hati yang terlalu mencintai dunia.